

16 SEP 1999

Najib-Guru

JABATAN PENDIDIKAN KUMPUL DATA UNTUK BANTU GURU SANDARAN

KOTA KINABALU, 16 Sept (Bernama) -- Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri sedang mengumpul data mengenai guru-guru sandaran yang ditamatkan kontrak bagi membantu mereka mendapat tempat di maktab-maktab perguruan, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Tindakan menamatkan perkhidmatan guru-guru sandaran dibuat memandangkan jumlah bakal guru di maktab perguruan kini sudah dapat menampung keperluan sekolah-sekolah, katanya.

" Bagi negeri Sabah, langkah menamatkan kontrak guru sandaran dibuat kerana adalah tidak adil jika para pelajar menerima guru-guru yang kurang terlatih," katanya kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja di Konvensyen Pemuda Barisan Nasional (BN) kebangsaan di sini, hari ini.

Menurut Najib, keadaan ini sekiranya tidak dikawal boleh memberi kesan kepada pencapaian para pelajar.

Usaha itu juga selaras dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan taraf kelulusan guru-guru sesuai dengan peningkatan pencapaian pelajar di negara ini, katanya.

Bagaimanapun, syarat kelayakan bagi bakal-bakal guru di Sabah adalah lebih fleksibel bagi membolehkan lebih ramai rakyat tempatan memasuki bidang perguruan, katanya.

Sementara itu, Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata barisan Pemuda BN mestilah komited menjayakan wawasan yang telah diperjuangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka juga harus menumpukan kepada usaha memahirkan diri dalam bidang teknologi maklumat (IT) untuk membentuk kekuatan diri, katanya.

" Harapan saya ialah kepimpinan para Pemuda dapat memahami matlamat sebenar perjuangan BN dan juga terus dapat memberi sumbangan, " tambah beliau.

Terdahulu, beliau mengadakan pertemuan tertutup dengan kira-kira 400 orang perwakilan dari semua parti komponen BN bagi membincangkan soal pendidikan dan kepimpinan.

-- BERNAMA

HAK PR